



PDTK/PK/300-7/2 Jld. 3 (1)

23 Rabiulakhir 1437H

2 Februari 2016

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sukacita dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini mempelawa tawaran daripada individu perseorangan dan syarikat-syarikat pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih sah tempohnya di bawah **Kod Bidang 010201 (Kertas)** untuk menyertai sebut harga berikut :

- NOMBOR SEBUT HARGA : **PDTK/PK/01/2016**
- TAJUK SEBUT HARGA : **Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Kertas Untuk Pejabat Daerah/Tanah Klang**
- TEMPOH KONTRAK : **Satu (1) Tahun
(1 Mac 2016 hingga 28 Februari 2017)**
- TARIKH IKLAN DIBUKA : **10 Februari 2016 (Rabu)**
- TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : **16 Februari 2016 (Selasa),
Jam 12.00 Tengahari**

2. Dokumen Sebut Harga yang berharga **RM10.00** boleh diperolehi melalui **<http://tender.selangor.gov.my>** atau secara terus di alamat seperti yang tertera di bawah **mulai 10 Februari 2016 hingga 15 Februari 2016**. Bagi pembelian terus, bayaran hendaklah dibuat secara tunai dan pihak individu atau syarikat pembekal yang berminat hendaklah membawa bersama butiran berikut:

- (i) **Dokumen asal dan satu (1) salinan:**
 - (a) **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);**
 - (b) **Sijil Pendaftaran Kontraktor Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia; dan**
 - (c) **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
- (ii) **Cop Rasmi Syarikat**

3. Penyerahan dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dan bertanda dengan **Nombor Sebut Harga** bagi perkhidmatan berkenaan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga atau sekiranya melalui pos, hendaklah dialamatkan kepada:

**Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 1, Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota
41902 Klang
Selangor Darul Ehsan**

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Bahagian Khidmat Pengurusan **sebelum jam 12.00 tengahari** pada **16 Februari 2016 (Selasa)**. **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(MADLINZA BINTI MASDAH)
Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p. Pegawai Daerah Klang

s.k.

- YBr. Tuan Pegawai Daerah Klang
- Fail Timbul